



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 15 JANUARI 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	NGO KOK KEONG CONDEMNS THE AGRICULTURE MINISTRY, NATION, CHINA PRESS -A9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	SARAN GENERASI MUDA SERTAI PERTANIAN, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -17	
3.	BEKALAN CUKUP, TAPI HARGA NAIK, TENGAH, SH -17	LAIN - LAIN
4.	DUA GERAI JUAL IKAN KEMBUNG MAHAL TUTUP, TENGAH, SH -17	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Ngo Kok Keong condemns the Agriculture Ministry		
MediaTitle	China Press		
Date	15 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	233,713
Page No	A9	Readership	1,076,000
Language	Chinese	ArticleSize	232 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,576
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,728



## 中國公司壟斷出口肉雞 吳國強轟農業部

(吉隆坡14日讯)  
东盟—中国经济贸易发展促进会总会长拿督吴国强非议农业部，只允许一家中国公司将肉鸡出口至马来西亚，并拖延其他公司的申请，其中一家公司已投资逾2000万令吉。

他敦促农业部，允许更多企业将清真肉鸡出口至马来西亚。如果在14天内未收到该部答覆，该会将采取必要行动来解决问题。

吴国强今日发文告说，据知，目前马来西亚只允许一家中国公司将肉鸡出口至马来西亚。这直接导致这间中国公司垄断了中国进口的家禽市场。由于市场缺乏竞争，这对消费者有损。

他指出，该会已收到数间外资公司的投诉，他们自从2015年申请鸡肉入口准证以来，农业部和兽医局一直疑似有意拖延，这使得外资和本地的合作夥伴对政府的办事效率非常失望。

“根据消息来源，自2015年起，来自中国的8间企业已经向兽医局申请初步审核要求。”

### 3年尚未审核

吴国强说，兽医局以无理的理由，整整3年都尚未审核。最重要的是，为了符合兽医局的要求，其中一家公司甚至花费了超过2000万令吉的重大成本，来重建他们的屠宰场设施。

“由于政府一直拖延该申请，已经损害了该公司的财务状况及当地合作夥伴的声誉，其损失可谓无法计算。”

他说，首相敦马哈迪最近承诺，马来西亚将努力提供一个健康的商业环境，以促进潜在的外国直接投资，从而刺激经济增长。然而讽刺的是，这些公司目前正在经历相反的情况。

“当政府不重视商家的问题，那么再怎么向海外推广马来西亚也将是徒劳无功的，更不用说叫外国企业在马来西亚经营了。”

Headline	Saran generasi muda sertai pertanian		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	15 Jan 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	148 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,037
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,111



## Saran generasi muda sertai pertanian

**JOHOR BAHRU** - Generasi muda disaran terlibat dalam bidang pertanian dan industri asas tani bagi memastikan pengeluaran makanan dalam negara berterusan, sekali gus menampung keperluan rakyat pada masa hadapan.

Exco Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian, Dr Sahrudin Jamal berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bersama agensi di berkaitan menyediakan platform untuk generasi muda dalam ilmu di dalam bidang pertanian dan industri asas tani.

"Platform diwujudkan MOA dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) melalui portal Agrobazaar Online (ABO) bantu generasi muda dalam bidang pemasaran



**Sahrudin (tiga, kanan) ketika menyempurnakan Majlis Pelancaran Myagrosis NBME, semalam.**

produk pertanian dan industri asas tani secara dalam talian (online) seiring peredaran zaman.

"Sejak 2016 hingga tahun lalu, sebanyak 11,635 produk melibatkan 4,815 usahawan menyertai portal dalam talian itu yang mana dalam tempoh berkenaan sejumlah RM4.3 juta nilai jualan direkodkan," katanya selepas menyempurnakan

Majlis Pelancaran Myagrosis New Breed Marketing Entrepreneur (NBME) Peringkat Negeri Johor, di sini, semalam.

Jelasnya, penglibatan generasi muda diharap dapat menjadi pencetus revolusi di dalam ekonomi terutamanya dalam bidang pemasaran pertanian dan industri asas tani.

SINAR HARIAN • SELASA 15 JANUARI 2019

EDITOR: KHAIRUL AMRI YASIN PENOLONG EDITOR: ASMALIZA MANSOR, IZWAN ROZLIN & ASWANY OMAR

# Bekalan cukup, tapi harga naik

**Harga ayam daging RM8.50 sekilogram berbanding RM8 minggu lepas**

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR



SWEE HON



Pemeriksaan harga dan bekalan barang mentah oleh KPDNHEP WPKL di Pasar Chow Kit, semalam.

**B**ekalan ayam daging yang telah diproses di ibu negara masih mencukupi meskipun berlaku kenaikan harga jualan oleh peruncit.

Tinjauan di Pasar Chow Kit mendapati, ayam dijual seperti biasa dan diakui tidak berlaku kekurangan bekalan namun peningkatan harga dikenal pasti berlaku sejak beberapa hari lalu.

Rata-rata peniaga menetapkan harga RM8.50 sekilogram ayam hasil bekalan yang diperoleh dengan harga RM7.40 daripada pemborong.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Wilayah Persekutuan (KPDNHEP WPKL) yang turut membuat pemantauan mengakui berlaku peningkatan harga ayam yang dijual dipercayai disebabkan harga bekalan yang diperoleh peniaga juga telah dinaikkan.

Ketua Pegawai Penguatkuasanya, Low Swee Hon, berkata, pemantauan dibuat rentetan aduan kekurangan bekalan ikan dan ayam serta kenaikan harga yang laporan pengguna kebelakangan ini. Bagaimanapun menu-

rutinya, hasil pemeriksaan mendapati bekalan ikan berada dalam keadaan terkawal dan tidak berlaku kekurangan bekalan seperti yang dihebohkan.

"Daripada pemeriksaan ikan kembung, bekalan tiada masalah, cuma yang dijual adalah ikan sejuk beku dan ada juga ikan segar. Ikan sejuk beku dijual dengan harga RM11 hingga RM12 sekilogram. Ada yang dijual RM15

sekilogram tetapi itu ikan segar dan tempatan.

"Untuk ikan tiada peningkatan harga yang ketara sejak minggu lepas malah ada penurunan harga pada hujung minggu penurunan sebanyak RM1.

"Begitu juga dengan bekalan ayam kita dapati tiada berlakunya kekurangan bekalan kerana peniaga masih mudah mendapatkan bekalan seperti biasa namun kena-

ikan harga dari RM8 minggu lalu berlaku disebabkan kenaikan harga dari pemborong," katanya kepada pemberita selepas Pemeriksaan dan Tinjauan Harga Barang-Barang Basah di Pasar Chow Kit, semalam.

Tambah beliau, pemeriksaan susulan akan dilakukan terhadap pemborong bagi mengenal pasti berhubung kenaikan harga bekalan ayam oleh peruncit.

**INFO**

- Harga ayam daging - RM8.50 sekilogram
- Ikan sejuk beku - RM11 - RM12 sekilogram
- Ikan segar & tempatan - RM15 sekilogram

"Jika ada unsur pengambilan keuntungan berlebihan, kita akan keluarkan notis bawah Akta Kawalan Harga Anti Pencatutan 2011 untuk mendapat penjelasan kenapa berlaku kenaikan harga," katanya.

Ditanya sama ada wujud unsur kesepakatan harga ditetapkan pihak berkaitan, kenaikan harga dari pemborong, perkara itu perlu dirujuk kepada Suruhanjaya Pesaingan Malaysia.

"Sukar untuk pastikan sekiranya terdapat unsur pakatan harga. Pemeriksaan mendapati semua peniaga meletakkan harga sama kecuali satu gerai, jual RM8 sekilogram sebab jual ayam yang diproses sendiri," katanya.

## Dua gerai jual ikan kembung mahal tutup

**AMPANG** - Dua gerai di Pasar Awam Kompleks Muhibbah, di sini yang tular kerana didakwa menjual ikan kembung pada harga tidak munasabah didapati tidak beroperasi ketika pemeriksaan dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kajang, semalam.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kajang, Normaswari Nordin berkata, pemeriksaan oleh pihaknya pada jam 10.30 pagi semalam, menunjukkan kedua-dua gerai menjual ikan itu kosong.

Menurutnya, dua premis itu dikenalpasti di lot kedai 26 dan 72.

"Maklumat kita terima mengatakan hanya satu daripada premis itu beroperasi pada hujung minggu.

"Bagaimanapun, kita akan membuat pemeriksaan semula



Ketua operasi, Fazuri Ramli (kiri) bersama anggotanya sedang menyoal salah seorang peniaga di situ ketika pemeriksaan dijalankan, semalam.

dalam masa terdekat bagi memastikan kesahihan info yang tular berkenaan harga ikan kembung itu," katanya.

Sinar Harian difahamkan seorang daripada pemilik gerai ikan

terbabit menutup premis kerana pergi ke Thailand.

Pemilik premis itu juga dikatakan berniaga bersama isteri dan anak serta menjual sayur-sayuran selain ikan.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menerusi ciapan di Twitter pada Sabtu lalu memberitahu harga ikan kembung di Kompleks Muhibbah dijual pada harga RM22 sekilogram berbanding tiga minggu sebelumnya berharga RM17 sekilogram.

Susulan itu, Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail membidas Najib menyatakan harga ikan kembung cuma RM11.90 satu kilogram, bukan setinggi RM22 seperti didakwa.

Saifudin memberitahu semakan dibuat menerusi aplikasi @mykpdnhep Price Catcher dan jelas harga ikan kembung tidak seperti digambarkan.

Dalam operasi sama, Normaswari berkata, pihaknya turut memeriksa lima premis lain di situ yang menjual barang basah, ayam dan daging.

Menurutnya, kesemua peniaga terlibat mematuhi peraturan dengan

mempamerkan tanda harga pada barangan dijual serta alat timbang sukat juga sah.

"Bagaimanapun kita mengeluarkan lima akuan kenyataan pemeriksaan kepada peniaga dan ada peniaga yang diberi amaran supaya mengemaskini tanda harga seperti ditetapkan," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Normaswari berkata, bagi tempoh 2018 pihaknya mengambil tindakan ke atas 118 kes Akta Kawalan Harga 2011 dan Anti Pencatutan serta 32 kes di bawah Akta Timbang Sukat 1972 melibatkan keseluruhan kompaun berjumlah RM41, 100.

Beliau berkata, sebanyak 621 aduan diterima berkaitan harga barangan dan alat timbangan.

